

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM TERIMA BAIK SOKONGAN TAMBAHAN UNTUK PKS DAN PERNIAGAAN MIKRO**

*Peruntukan Tambahan Sebanyak RM10 Bilion akan Memastikan Kelangsungan  
Perniagaan, Melindungi Pekerjaan dan Menyokong Pertumbuhan*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [8 April 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") menerima baik peruntukan tambahan berjumlah RM10 bilion untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana ("PKS") di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat Tambahan ("Prihatin PKS+") memandangkan langkah yang diumumkan itu memberi tumpuan khusus kepada perniagaan untuk mengekalkan pekerja mereka dalam situasi semasa yang mencabar.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, "PKS merupakan tulang belakang kepada pembangunan Malaysia, di mana ia menyumbang sebanyak 38.3% kepada ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan dalam negara. Pada hari ini, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan segenap peringkat perniagaan, termasuk rantaian bekalan, perdagangan dan transaksi, serta kestabilan pekerjaan. Sehubungan itu, langkah-langkah yang diambil harus direka khusus bagi menyokong pertumbuhan negara dan membendung kesan buruk pandemik ini."

"Susulan pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin kelmarin, kerajaan dilihat sedang melakukan yang terbaik untuk memastikan pekerjaan dalam sektor PKS terus kekal. Langkah-langkah yang dirangka juga bertujuan untuk mengurangkan impak pandemik ke atas aliran tunai perniagaan serta terus menyediakan akses pembiayaan kepada PKS."

Peruntukan tambahan untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat menyaksikan pertambahan RM10 bilion kepada para pengusaha PKS, iaitu sebanyak RM7.9 bilion daripadanya adalah untuk Program Subsidi Upah yang akan memberi manfaat kepada 4.8 juta pekerja yang berpendapatan RM4,000 dan ke bawah setiap bulan. Sementara RM2.1 bilion dalam bentuk Geran Khas akan disalurkan kepada perniagaan mikro yang berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri ("LHDN").

Langkah-langkah dalam menyediakan diskaun sewaan dan pengecualian bayaran sewa kepada premis dimiliki oleh Syarikat berkaitan Kerajaan yang dicadangkan akan membantu meringankan beban kewangan bagi segmen peniaga runcit.

Pada 27 Mac lalu, Perdana Menteri telah membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat berjumlah RM250 bilion yang memberi faedah kepada semua pihak yang terkesan akibat wabak COVID-19 di negara ini. Daripada jumlah tersebut, RM128 bilion diperuntukkan untuk memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat, manakala RM100 bilion untuk membantu perniagaan, termasuk PKS, dan RM2 bilion untuk mengukuhkan ekonomi. Keseluruhan pakej rangsangan ini adalah kesinambungan daripada rangsangan fiskal berjumlah RM20 bilion yang diperkenalkan kepada umum pada 27 Februari 2020.

“Apa yang penting sekarang adalah memastikan kesemua bantuan kewangan ini sampai kepada golongan sasaran secepat mungkin. Harapan kami agar langkah rangsangan fiskal terbaharu ini akan mendorong perniagaan PKS dan mikro untuk mendaftarkan perusahaan mereka dengan pihak berkuasa berkaitan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”), LHDN dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (“PERKESO”). Ini akan menjadikan perniagaan yang dimiliki sah di sisi undang-undang dan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan akses pembiayaan atau kewangan serta bantuan teknikal pada masa akan datang,” ujar Encik Mohd Muazzam.

Langkah terbaharu diumumkan Kerajaan ini seiring dengan keutamaan matlamat Pengantaraan Berasaskan Nilai (“VBI”) Bank Islam yang terus memberi penekanan untuk membantu pelanggan dan rakan niaga mendepani impak ekonomi dan cabaran-cabaran lain dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Bank Islam akan mengikut langkah-langkah yang disarankan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) yang turut merangkumi moratorium automatik untuk semua individu dan pelanggan PKS selama enam (6) bulan. Bank Islam juga akan menyediakan Kemudahan Bantuan Khas (“SSRF”) untuk PKS bagi membantu meringankan beban aliran tunai jangka pendek yang dihadapi oleh pemilik PKS, serta menawarkan SME i-Gain iaitu akaun pelaburan semasa yang menyediakan pulangan sehingga 2% kepada pelanggan PKS. Kemudahan ini disediakan sehingga Jun 2020.

Buat masa ini, Bank Islam sedang memperhalusi butiran program iTEKAD yang menumpukan kepada menyokong penjana pendapatan berterusan dan meningkatkan daya tahan kewangan golongan asnaf dan perniagaan mikro milik usahawan B40. Bank Islam merupakan bank Islam pertama terlibat dalam program ini dan menerusi platform kewangan sosialnya, Sadaqa House, ia akan menggunakan dana Zakat, Wakaf dan Sedekah untuk mewujudkan pakej pembiayaan mikro untuk penerima yang berpotensi. Fasa pertama pelaksanaan program ini dijangka bermula pada Mei 2020, dengan sasaran untuk memanfaatkan seramai 100 orang penerima. Program iTEKAD juga melibatkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (“MAIWP”) dan SME Corporation Malaysia (“SME Corp”) bagi menyediakan latihan keusahawanan berstruktur dan pengurusan kewangan kepada setiap penerima.

Inisiatif-inisiatif ini dilakukan bagi meneruskan kelangsungan ekonomi sebenar, dengan cara mengekalkan pekerjaan dan memastikan aktiviti ekonomi berterusan dalam tempoh yang tidak menentu ini.

“Adalah sangat penting untuk kesemua langkah dilaksanakan secara cekap memandangkan pergerakan fizikal amat terhad ketika Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) ini. Oleh itu, kami amat menggalakkan penggunaan teknologi perbankan dan kewangan seperti perbankan atas talian dan internet serta aplikasi e-dompet agar berupaya mengurangkan keperluan untuk keluar dari rumah daripada kalangan penerima sokongan yang layak.” tambah Encik Mohd Muazzam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--